

Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 527 415 569">EPISOD 37</p> <p data-bbox="188 636 792 842">PERTELINGKAHAN ASAL USUL NAMA-NAMA KAUM ARAB DI KALANGAN AHLI SEJARAH PURBA</p> <p data-bbox="188 909 363 951">SUARA:</p> <p data-bbox="188 1018 786 1873">PARA AHLI SEJARAH PURBA TELAH BERSELISIH PENDAPAT TENTANG NASAB TOSAM DAN JADIS CUCU KEPADA ARAM BIN SAM BIN NUH. SESETENGAH BERPENDAPAT BAHAWA TOSAM ITU CICIK SAM ANAK KEPADA LAWID BIN ARAM , DAN PANDANGAN LAIN PULA MENGATAKAN BAHAWA BELIAU ANAK KEPADA LAWID BIN SAM. KENAPA ADA PERTIKAIAN BEGINI?</p>	

INI BERKEMUNGKINAN BERMULA DARI MAKLUMAT TAURAT YANG TELAH DIUBAH. SEBAGAIMANA YANG TELAH DISEBUT OLEH JURJI ZAYDAN BAHAWA DI DALAM TAURAT TELAH MENYEBUT BAHAWA LELAKI YANG BERNAMA TOSAM INI BERASAL DARI KABILAH ARAB DARI KETURUNAN DADAN BIN YAKSYAN. ADAPUN AHLI SEJARAH ADA YANG MENASABKAN TOSAM INI KEPADA SONMA الصنم ATAU DISEBUT SEBAGAI كثرى , LELAKI INI TELAH MEMELUK ISLAM DAN TELAH MENGHANCURKAN SEMUA BERHALA SEHINGGA ADA YANG MENGIKTIRAF BELIAU SEBAGAI NABI. (تاج العروس،) (125/2 . SEBAGAIMANA SYAIR عمرو بن صخر بن أشنع حلفت بكثرى حلفة غير برة * لتستلبنى

. أنواب قيس بن عازب .

BEGITU JUGA JADIS SAUDARA KEPADA TOSAM ADALAH ANAK CUCU KEPADA SAM BIN NUH.

MANAKALA AL-QURAN TIDAK MENYEBUT TENTANG ANAK CUCU SAM INI. KENAPA NAMA-NAMA MEREKA INI PENTING DALAM KAJIAN SEJARAH PERADABAN MANUSIA? INI KERANA MEREKA ADALAH DARI GOLONGAN كَابِلَاهِ اَرَابِ اَلْبَائِدَةِ PERTAMA SEBELUM QAHTON & JURHUM

وأحاديث طسم: يقال لما لا أصل له، (تقول لمن يخبرك بما لا أصل له: أحاديث طسم وأحلامها، وطسم إحدى قبائل (العرب البائدة (الطبري، 1/206، اللسان 15/256، 103/الأغاني، 11) (العرب البائدة

WILAYAH YANG DIDUDUKI OLEH TOSAM DAN JADIS INI SEKITAR YAMAMAH YANG MERUPAKAN WILAYAH YANG DITAKLUKI OLEH

KABILAH AMALIQAHA.

NAMUN GOLONGAN ORIENTALIS DAN SESETENGAH AHLI SEJARAH BERPENDAPAT BAHAWA MEREKA INI DARI GOLONGAN KHURAFAT YANG TIDAK PERCAYA KEPADA TUHAN, HAKIKATNYA PENDAPAT INI ADALAH REKAAN AHLI SEJARAH PURBA SEMATA-MATA (JAWAD ALI, MS 335). ADAPUN UMAYMUN ^{أميم} TERDIRI DARI KETURUNAN TOSAM DAN JADIS BERASAL DARI KETURUNAN LAWID BIN SAM BIN NUH (TARIKH TABARI 1/207). AHLI SEJARAH PURBA BERPENDAPAT TERMASUK AL-HAMDANI DALAM KITABNYA AL-IKLIL BAHAWA WABAR ^{وبار} MERUPAKAN WILAYAH YANG DIDUDUKI OLEH

UMAYMUN.MENGIKUT CATATAN PTOLOMY DAERAH INI TERLETAK DI ANTARA NAJRAN, HADRAMAUT DAN YAMAN. NAMUN CATATAN ORIENTALIST AGAK BERBEZA, MEREKA MENAFIKAN KEWUJUDAN WABAR وبار INI. BAGI MEREKA, KABILAH WABAR INI HANYALAH REKAAN SEMATA-MATA. (SPRENGER GEORG., S., 296, JAWAD ALI P.342). NAMUN KENYATAAN PIHAK ORIENTALIST INI BUKAN SESUATU YANG PELIK, JIKA PADA MULANYA MEREKA MENAFIKAN KEWUJUDAN AAD DAN THAMUD, KEMUDIAN MENGADAKAN SEMULA DI DALAM CATATAN-CATATAN MEREKA, JADI JIKA MEREKA MENAFIKAN KEWUJUDAN KEWUJUDAN SESUATU MAKLUMAT DARI PIHAK

YANG LAIN, KAMI
MELIHAT IANYA
BUKANLAH SESUATU
YANG PELIK, KERANA
SEBAHAGIAN DARI
PANDANGAN MEREKA
ADALAH BERAT
SEBELAH.

ABIL عابيل PULA
MENGIKUT SESETENGAH
PANDANGAN AHLI
SEJARAH PURBA
BAHAWA SAUDARA
KEPADA AAD BIN AUS
عوص BIN ARAM, YANG
MENETAP DI SEKITAR
KAWASAN YASRIB
(MADINAH) YANG
DIAMBIL DARI NAMA
SEORANG LELAKI YASRIB
BIN BASILAH BIN
MUHALHIL BIN ABIL (IBN
KHALDUN, 2/21). ADAPUN
KABILAH ABD DHAKHM
BIN ARAM عبد ضخم بن أرم
MEREKA ANTARA ARAB
BAIDAH (ARAB AWAL)
YANG HANCUR. KABILAH
INILAH YANG MULA-

MULA MENULIS TULISAN ARAB (IBN KHALDUN, 2/21)

UMMAYYAH BIN ABI SALAT PERNAH MENCERITAKAN KISAH BANI **عبد ضخم** INI DI DALAM SYAIRNYA:

كما أفني بني عبد بن ضخم * فما يذكر
لصاليها شهاب

بني بيض ورهط بني معاذ * وفيهم عزة
وهم غلاب

(AL-HAMDANI , AL-IKLIL 1/75)

BEGITU JUGA AL-HAMDANI MENYEBUT BAHAWA IBN KALBI PERNAH MEMBUAT CATATAN BAHAWA **عبد بيض أهل العلو** DAN **ضخم بن أرم** MERUPAKAN ANTARA ORANG YANG PERTAMA MENCIPTA TULISAN ARAB (SEBELUM TULISAN ITU BEREVOLUSI) .
SEBAGAIMANA DISEBUT OLEH HAJIZ AL-AZDY:

عبد بن ضخم إذا نسبتهم * وبيض أهل
العلو في النسب

ابتدعوا منطقالحطهم * فبين الخط لهجة
العرب
(AL-IKLIL, 1/78)

INI BERMAKNA ABU
ASWAD AD-DUALI
ADALAH ORANG YANG
MENCIPTA TITIK-TITIK
DAN SHADDAH DALAM
TULISAN ARAB SESUDAH
TULISAN ITU
BEREVOLUSI.

SIAPAKAH PULA جرهم الأولى
JURHUM PERTAMA?

MENGIKUT JAWAD ALI
(MS 345) MEREKA
BUKANLAH JURHUM DARI
QAHTANIYYAH, JURHUM
QAHTANIYYAH ADALAH
JURHUM KEDUA. AHLI
SEJARAH BERPENDAPAT
BAHAWA JURHUM
PERTAMA INI BERASAL
DARI KETURUNAN ARAB

BAIDAH DAN MEREKA INI BERASAL DARI ZAMAN AAD, THAMUD DAN AMALIQAHA (AL-IKLIL, 1/78). MEREKA INI MENETAP DI MEKAH DAN KEMUDIAN KETURUNAN MEREKA INI BERTERUSAN SEHINGGA KE ABIR عابر BIN SHALIKH YANG MELAHIRKAN QAHTANIYYUN YANG MERUPAKAN PERMULAAN JURHUM YANG KEDUA IAITU JURHUM BIN QAHTAN BIN HUD YANG MERUPAKAN MERTUA NABI ISMAIL A.S. (IBN KHALDUN, 2/30).

AL-AMALIQAHA PERKATAAN AL-AMALIQAHA INI CUCU KEPADA IMLIQ DINASABKAN KEPADA IMLIQ BIN LAWID BIN SAM BIN NUH (ENCY., VOL 1. P. 1066). HAKIKATNYA MAKLUMAT INI TIDAK DISEBUT DI DALAM

TAURAT SEBAGAIMANA YANG KAMI SEBUTKAN SEBELUM INI DI MANA NAMA ANAK-ANAK LAWID DAN ARAM SEBAHAGIANNYA HILANG DARI CATATAN TAURAT. PERNAH DISEBUTKAN DALAM CATATAN SEBELUM INI BAHAWA IMLIQ IAITU DATUK AMALIQA NI SEPUPU TOSAM YANG MANA GOLONGAN MEREKA INILAH YANG PALING RAMAI MENDUDUKI TANAH ARAB DAN KETURUNAN MEREKA INI BERSELERAK DI MERATA TEMPAT DI JAZIRAH INI ANTARANYA; بنو هف، سعد ابن هزان، بنو مطر، وبنو الأزرق. DAN BEGITU JUGA PENDUDUK NAJ DAN AHLI TAYMA` (قاموس الكتاب المقدس،) (112/2. BEGITU JUGA DALAM TARIKH TABARI ADA MENYEBUT BAHAWA NABI MUSA TELAH MENGHANTAR

TENTERA UNTUK
MEMERANGI AMALIQI
YASRIB(TARIKH TABARI
1/20) TAPI TAURAT TIDAK
PERNAH MENYEBUT
PERISTIWA INI.

MENGIKUT TABARI LAGI
BAHAWA MEREKA INI
DIFAHAMKAN OLEH
ALLAH TAALA DENGAN
BAHASA ARAB SAMADA
AAD, ABIL, THAMUD,
JADIS, IMLIQ, TOSAM,
UMAYMUN ATAU BANI
YAKTON BIN ABIR BIN
SHALIKH BIN
ARFAKSHAD BIN SAM
BIN NUH (TARIKH
TABARI, 1/208).